KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA

STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA

KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA

1. **LATARBELAKANG**

1.1 Industri perikanan memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Ianya menyumbangkan sebanyak 1.63% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 1993. Jumlah pendaratan ikan adalah sebanyak 1,154,559 tan metrik pada tahun 1993 berbanding dengan 1,104,988 tan metrik pada tahun 1992. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.49%. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 3.85% dari RM2.60 bilion dalam tahun 1992 kepada RM2.70 bilion dalam tahun 1993.

1.2 Pada dasarnya sektor perikanan di Malaysia boleh dibahagikan kepada perikanan laut, ternakair dan perairan umum/perikanan darat. Walau bagaimanapun, perairan umum/perikanan darat ketika ini kurang memberikan sumbangan yang nyata kepada industri perikanan. Bagi tujuan pengurusan, perikanan laut dibahagikan kepada sektor perikanan pantai dan sektor perikanan laut dalam. Tenakair pula adalah meliputi ternakan ikan airtawar dan ternakan ikan airpayau. Perikanan laut pantai telah dieksploitasikan ketahap berlebihan dan terdapat tanda-tanda yang tangkapan ikan telah sampai ketahap maksima. Walau bagaimanapun, perikanan laut dalam mempunyai potensi untuk dibangunkan. Bidang ternakair juga mempunyai masa depan yang cerah untuk membangun dan berkembang lagi. Berdasarkan kepada potensi sumber, usaha-usaha pembangunan adalah diarahkan kepada pembangunan sektor perikanan laut dalam dan ternakair. Sementara pengeluaran sektor perikanan pantai pula dikekalkan ditahap yang sama. Industri ikan hiasan pula, ditahun-tahun yang kebelakangan ini telah menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan disegi pengeluaran dan eksport.

1.3 Jumlah pendaratan tangkapan perikanan laut meningkat sebanyak 2.33% dari 1,023,516 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 1,047,350 tan metrik dalam tahun 1993. Dari segi nilai terdapat sedikit penurunan sebanyak 0.04% dari

RM2.379 bilion dalam tahun 1992 kepada RM2.378 bilion dalam tahun 1993. Sementara jumlah pengeluaran ternakair tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 32.04% daripada 79,698.66 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 105,237.29 tan metrik dalam tahun 1993. Dari segi nilai, terdapat peningkatan sebanyak 41.03% dari RM207.36 juta dalam tahun 1992 kepada RM292.43 juta dalam tahun 1993. Pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 84.09% dari 102,597,493 ekor dalam tahun 1992 kepada 188,871,525 ekor dalam tahun 1993. Dari segi nilai, terdapat peningkatan sebanyak 93.17% dari RM17.42 juta dalam tahun 1992 kepada RM33.65 juta dalam tahun 1993. Perairan umum/perikanan darat mengeluarkan sebanyak 1,971.38 tan metrik ikan dalam tahun 1993 berbanding dengan 1,773.36 tan metrik dalam tahun 1992. Ini adalah peningkatan sebanyak 11.17% di segi pengeluaran.

2. GUNA TENAGA

2.1 Seramai 80,278 nelayan terlibat dalam sektor perikanan laut pada tahun 1993 berbanding dengan 85,085 nelayan dalam tahun 1992 dan ini menunjukkan pengurangan sebanyak 5.65%. Arah aliran ini adalah selaras dengan dasar pengurusan kerajaan bagi mengurangkan bilangan nelayan supaya setiap nelayan akan mendapat pembahagian sumber yang lebih besar dan hanya nelayan yang benar-benar berminat untuk menjadikan penangkapan ikan sebagai sumber kehidupannya akan kekal didalam indsutri perikanan. Terdapat pengurangan jumlah bilangan nelayan di Semenanjung Malaysia sebanyak 10.80% (dari 60,410 nelayan kepada 53,887 nelayan). Pada keseluruhannya negeri-negeri di Semenanjung Malaysia menunjukkan pengurangan jumlah bilangan nelayan. Negeri Sembilan menunjukkan penurunan bilangan nelayan yang paling ketara iaitu sebanyak 41.71% diikuti oleh Pulau Pinang sebanyak 30.25%, Pahang sebanyak 21.13%, Perak sebanyak 20.15%, Melaka sebanyak 16.68% dan Johor Barat sebanyak 11.89%. Terengganu mencatatkan penurunan sebanyak 6.99% dan Selangor sebanyak 2.20%. Walau bagaimanapun, Johor Timur menunjukkan peningkatan sebanyak 5.81%, Kelantan sebanyak 1.36% dan Perlis menunjukkan peningkatan yang kecil sebanyak 0.09%. Bilangan nelayan di Sabah

meningkat sebanyak 6.98%, Sarawak sebanyak 8.02% dan Labuan berkurangan sebanyak 9.36%. Penurunan bilangan nelayan pada keseluruhannya di Semenanjung Malaysia dan Labuan adalah disebabkan oleh pengurangan bilangan vesel menangkap ikan yang dilesenkan. Sabah dan Sarawak menunjukkan pertambahan bilangan vesel menangkap ikan yang dilesenkan dan secara langsung ianya melibatkan peningkatan bilangan nelayan.

2.2 Bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan berlesen yang menggunakan peralatan komersial adalah sebanyak 34,358 nelayan iaitu 42.80% (25.59% nelayan di atas vesel-vesel pukat tunda dan 17.21% nelayan di atas vesel-vesel pukat jerut) dari jumlah bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen. Sementara bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel yang berlesen yang menggunakan peralatan tradisional adalah seramai 45,920 nelayan iaitu 57.20% dari jumlah bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen.

2.3 Seramai 4,659 nelayan asing telah diluluskan dalam tahun 1993 untuk bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan yang dilesenkan di Malaysia. Dari bilangan tersebut, sebanyak 4,635 nelayan asing yang telah diluluskan bekerja di Semenanjung Malaysia, menunjukkan pertambahan sebanyak 16.17%. Peratusan bilangan nelayan asing yang telah diluluskan untuk bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan di Negeri Terengganu ialah 29.32%, Kedah 17.04%, Perlis 16.51%, Kelantan 15.63%, Pahang 12.34%, Johor Timur 8.65% dan Labuan 0.51%. Negeri-negeri utama yang menunjukkan pertambahan bilangan nelayan asing dengan ketara ialah Terengganu sebanyak 367.81% (dari 292 nelayan kepada 1,366 nelayan) dan Kelantan sebanyak 177.93% (dari 145 nelayan kepada 403 nelayan).

3. VESEL-VESEL MENANGKAP IKAN

3.1 Pada keseluruhannya bilangan vesel-vesel menangkap ikan menurun sedikit dari 32,550 unit dalam tahun 1992 kepada 31,575 unit dalam tahun 1993 iaitu penurunan sebanyak 3.00%. Penurunan adalah disebabkan oleh penurunan bilangan vesel-vesel menangkap ikan di Semenanjung Malaysia sebanyak

8.39% (dari 21,854 unit dalam tahun 1992 kepada 20,020 unit dalam tahun 1993) dan Labuan sebanyak 20.37% (dari 162 unit dalam tahun 1992 kepada 129 unit dalam tahun 1993). Bilangan vesel-vesel menangkap ikan di Sabah meningkat sebanyak 8.82% (dari 7,797 unit kepada 8,485 unit), sementara di Sarawak bilangannya meningkat sebanyak 7.45% (dari 2,737 unit kepada 2,941 unit).

3.2 Jumlah bilangan vesel-vesel menangkap ikan laut dalam (70 GRT dan ke atas) yang dilesenkan di Malaysia pada tahun 1993 adalah sebanyak 612 unit, sementara bilangannya pada tahun 1992 ialah sebanyak 603 unit. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan vesel-vesel menangkap ikan laut dalam (70 GRT dan keatas) yang dilesenkan di Labuan sebanyak 100% (dari 5 unit kepada 10 unit), Sarawak sebanyak 2.26% (dari 133 unit kepada 136 unit) dan Semenanjung Malaysia sebanyak 0.22% (dari 455 unit kepada 456 unit).

4. PERKAKAS MENANGKAP IKAN

4.1 Jumlah bilangan perkakas menangkap ikan yang dilesenkan dalam tahun 1993 berkurangan sebanyak 8.01% jika dibandingkan dengan tahun 1992 (dari 28,944 unit dalam tahun 1992 kepada 26,625 unit dalam tahun 1993). Bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia, jumlah perkakas menangkap ikan yang dilesenkan berkurangan sebanyak 8.39% (dari 21,854 unit kepada 20,020 unit). Manakala Labuan dan Sabah menunjukkan pengurangan jumlah perkakas menangkap ikan yang dilesenkan iaitu masing-masing sebanyak 20.37% (dari 162 unit kepada 129 unit) dan 18.21% (dari 3,849 unit kepada 3,148 unit). Sarawak sebaliknya menunjukkan kenaikan jumlah perkakas menangkap ikan yang dilesenkan sebanyak 8.09% (dari 3,079 unit kepada 3,328 unit).

5. PENDARATAN IKAN LAUT

5.1 Jumlah pendaratan dari sektor perikanan laut bertambah sebanyak 2.33% dari 1,023,516 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 1,047,350 tan metrik dalam tahun 1993. Dari segi nilai, terdapat sedikit penurunan sebanyak 0.04% dari RM2.379 bilion dalam tahun 1992 kepada 2.378 bilion dalam tahun 1993. Penurunan adalah disebabkan oleh kemerosotan pendaratan ikan yang bernilai tinggi (Gred I dan Gred II) dan udang. Pendaratan ikan Gred I dan

Gred II turun sebanyak 10.26% (dari 87,871 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 78,859 tan metrik dalam tahun 1993). Manakala pendaratan udang menurun sebanyak 16.11% (dari 127,398 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 106,879 tan metrik dalam tahun 1993). Dari segi nilai, terdapat kemerosotan nilai ikan Gred I dan Gred II sebanyak 11.40% (dari RM483.93 juta dalam tahun 1992 kepada RM428.78 juta dalam tahun 1993). Manakala nilai udang merosot sebanyak 11.78% (dari RM733.06 juta dalam tahun 1992 kepada RM646.71 juta dalam tahun 1993). Kerang-kerangan menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi pendaratan dan nilai. Pendaratan kerang-kerangan meningkat sebanyak 109.04% (dari 10,639 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 22,240 tan metrik dalam tahun 1993)dan nilainya meningkat sebanyak 124.91% (dari RM16.18 juta dalam tahun 1992 kepada RM36.39 juta dalam tahun 1993).

5.2 Keseluruhan jumlah pendaratan ikan laut bagi Pantai Timur Semenanjung Malaysia bertambah sebanyak 17.57% (dari 293,537 tan metrik kepada 345,103 tan metrik). Kelantan, Terengganu dan Pahang menunjukkan pertambahan pendaratan dan ini adalah disebabkan oleh musim tengkujuh yang singkat dan tidak teruk dalam tahun 1993, yang membolehkan nelayan kerap keluar ke laut bagi menangkap ikan. Walau bagaimanapun, pendaratan bagi Johor Timur berkurangan sebanyak 5.28% (dari 70,607 tan metrik kepada 66,882 tan metrik). Penurunan pendaratan adalah diperhatikan, disebabkan terutama sekali oleh penurunan tangkapan vesel-vesel laut dalam. Dalam tahun 1993, walaupun bilangan vesel-vesel laut dalam yang dilesenkan bertambah sebanyak 1unit (dari 68 unit kepada 69 unit),oleh disebabkan tangkapan dari kawasan menangkap ikan berdekatan merosot, nelayan laut dalam kurang kerap keluar ke laut. Di Pantai Barat Semenanjung Malaysia jumlah pendaratan ikan laut menurun sebanyak 5.80% (dari 473,995 tan metrik kepada 446,515 tan metrik). Pengurangan pendaratan kebanyakan disebabkan oleh kejatuhan pendaratan ikan di negeri Perak sebanyak 22,446 tan metrik (dari 201,852 tan metrik kepada 179,406 tan metrik). Keadaan cuaca adalah diantara faktor yang dikenalpasti mempengaruhi kekurangan pendaratan ikan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

5.3 Perikanan Laut Pantai

5.3.1 Perikanan laut pantai termasuk vesel-vesel tradisional dan vesel-vesel komersial bermuatan dibawah 70 GRT yang mengoperasikan semua jenis perkakas menangkap ikan. Perikanan laut pantai menyumbangkan sebanyak 901,801 tan metrik ikan dalam tahun 1993 iaitu 86.10% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia berbanding dengan 877,162 tan metrik dalam tahun 1992 iaitu 85.70% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia. Dari segi kawasan pendaratan ikan, Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyumbangkan sebanyak 46.06% (415,335 tan metrik), Pantai Timur Semenanjung Malaysia sebanyak 29.84% (269,126 tan metrik), Sabah sebanyak 16.47% (148,552 tan metrik), Labuan sebanyak 1.81% (16,302 tan metrik) dan Sarawak sebanyak 5.82% (52,486 tan metrik) daripada jumlah pendaratan perikanan laut pantai. Dari segi nilai, perikanan laut pantai menyumbang sebanyak RM2,109.21 juta dalam tahun 1993 iaitu 88.67% daripada jumlah nilai pendaratan ikan laut di Malaysia. Nilai perikanan laut pantai meningkat sebanyak 0.35% (dari RM2,101.83 juta dalam tahun 1992 kepada RM2,109.21 juta dalam tahun 1993).

5.3.2 Jumlah pendaratan perikanan laut pantai telah bertambah sebanyak 2.81% (daripada 877,162 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 901,801 tan metrik dalam tahun 1993). Pertambahan ini adalah disebabkan pertambahan pendaratan dari Pantai Timur Semenanjung Malaysia (dari 214,068 tan metrik kepada 269,126 tan metrik) dan Sabah (dari 144,867 tan metrik kepada 148,552 tan metrik). Walau bagaimanapun, terdapat penurunan pendaratan perikanan laut pantai di Pantai Barat Semenanjung Malaysia (dari 444,718 tan metrik kepada 415,335tan metrik), Sarawak (dari 55,549 tan metrik kepada 52,486 tan metrik) dan Labuan (dari 17,960 tan metrik kepada 16,302 tan metrik). Adalah diperhatikan, pendaratan ikan bilis di Pantai Barat Semenanjung Malaysia telah menurun sebanyak 54.70% (dari 28,260 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 12,802 tan metrik dalam tahun 1993).

Jadual I

Malaysia
Pendaratan dan Nilai Perikanan Laut Pantai, 1993

	Pendaratan (Tan Metrik)	Nilai (RM)
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	415,335	1,002,098,012
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	269,126	517,923,109
Semenanjung Malaysia	684,461	1,520,021,121
Sabah	148,552	360,332,090
Sarawak	52,486	185,382,493
Wilayah Persekutuan Labuan	16,302	43,474,474
Jumlah	901,801	2,109,210,178

5.4 **Perikanan Laut Dalam**

5.4.1 Perikanan laut dalam termasuk vesel-vesel bermuatan 70 GRT dan ke atas mengoperasikan pukat tunda, pukat jerut (kecuali pukat jerut bilis), rawai/pancing, pukat hanyut dan beroperasi di perairan melebihi 30 batu nautika dari pantai. Perikanan laut dalam menghasilkan sebanyak 145,549 tan metrik ikan dalam tahun 1993 iaitu 13.90% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia. Mengikut kawasan, Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyumbangkan sebanyak 21.42%, Pantai Timur Semenanjung Malaysia sebanyak 52.20%, Sabah sebanyak 4.20%, Labuan sebanyak 1.95% dan Sarawak sebanyak 20.23% daripada jumlah keseluruhan pendaratan perikanan laut dalam. Berdasarkan perkakas menangkap ikan, pukat tunda mendaratkan sebanyak 69.70%, pukat jerut mendaratkan sebanyak 30.16% dan rawai/pancing mendaratkan sebanyak 0.14% ikan dari perikanan laut dalam. Dari segi nilai, perikanan laut dalam menyumbangkan sebanyak RM269.40 juta

dalam tahun 1993 iaitu 11.33% daripada jumlah nilai pendaratan ikan laut di Malaysia. Nilai perikanan laut dalam berkurangan sebanyak 3.14% (dari RM278.12 juta dalam tahun 1992 kepada RM269.40 juta dalam tahun 1993). Berdasarkan perkakas menangkap ikan, pukat tunda menyumbangkan sebanyak 61.87%, pukat jerut sebanyak 37.85% dan rawai/pancing sebanyak 0.28% daripada jumlah nilai perikanan laut dalam.

5.4.2 Jumlah pendaratan perikanan laut dalam menurun sebanyak 0.55% (dari 146,354 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 145,549 tan metrik dalam tahun 1993). Walaupun pada keseluruhannya terdapat sedikit kemerosotan pendaratan perikanan laut dalam di Malaysia, Pantai Barat Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan menunjukkan peningkatan di dalam pendaratan perikanan laut dalam masing-masing sebanyak 6.50%, 95.18% dan 59.23%.

Jadual II

Malaysia
Pendaratan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas,1993
(Kuantiti Dalam Tan Metrik)

	Pukat Tunda 70 GRT & Lebih	**Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih**	**Rawai/ Pancing 70 GRT & Lebih**	**Jumlah**
Pantai Barat Sem.Malaysia	23,287	7,893	0.00	31,180
Pantai Timur Sem.Malaysia	46,802	29,175	0.00	75,977
Semenanjung Malaysia	70,089	37,068	0.00	107,157
Sabah	534	5,456	125	6,115
Sarawak	29,438	0.00	0.00	29,438
W.P.Labuan	1,379	1,378	82	2,839
Jumlah	101,440	43,902	207	145,549

Malaysia
Nilai Pendaratan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas, 1993
(Nilai Dalam RM)

	Pukat Tunda 70 GRT & Lebih	Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih	Rawai/ Pancing 70 GRT & Lebih	Jumlah
Pantai Barat Sem.Malaysia	38,263,335	18,330,467	0.00	56,593,802
Pantai Timur Sem.Malaysia	76,901,302	67,755,145	0.00	144,656,447
Semenanjung Malaysia	115,164,637	86,085,612	0.00	201,250,249
Sabah	877,426	12,670,851	463,853	14,012,130
Sarawak	48,370,167	0.00	0.00	48,370,167
W.P.Labuan	2,265,863	3,200,226	304,287	5,770,376
Jumlah	166,678,093	101,956,689	768,140	269,402,922

6. **TERNAKAIR**

6.1 Pada dasarnya industri ternakair di Malaysia meliputi ternakan airtawar dan air payau. Ternakan airtawar dijalankan di kolam-kolam airtawar, sangkar airtawar, tangki simen dan bekas lombong. Sementara, ternakan airpayau merangkumi kolam air payau, sangkar air payau dan ternakan moluska termasuk kerang, siput sudu dan tiram.

6.2 Jumlah pengeluaran ternakair, tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 32.17% daripada 79,698.66 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 105,237.31 tan metrik dalam tahun 1993. Nilai pengeluaran juga telah meningkat sebanyak 41.03% dari RM207.36 juta dalam tahun 1992 kepada RM292.43 juta dalam tahun 1993. Manakala jumlah pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 84.09% dari 102,597,493 ekor dalam tahun 1992 kepada

188,871,525 ekor dalam tahun 1993. Nilai pengeluaran juga telah meningkat sebanyak 93.17% (dari RM17.42 juta dalam tahun 1992 kepada RM33.65 juta dalam tahun 1993).

6.3 **Ternakan Airtawar**

6.3.1 Jumlah pengeluaran ternakan airtawar merosot sebanyak 3.28% daripada 15,991.93 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 15,467.59 tan metrik dalam tahun 1993. Penurunan pengeluaran ternakan airtawar adalah disebabkan kemerosotan hasil dari kolam airtawar dan bekas lombong. Kawasan kolam airtawar telah berkurangan sebanyak 22.2%(dari 5,598.09 hektar pada tahun 1992 kepada 4,356.93 hektar pada tahun 1993). Dari segi nilai, terdapat pertambahan sebanyak 7.94% dari RM104.25 juta pada tahun 1992 kepada RM112.53 juta pada tahun 1993. Ternakan airtawar telah menyumbangkan sebanyak 14.7% daripada jumlah pengeluaran ternakair dalam tahun 1993 dan dari segi nilai ianya menyumbangkan sebanyak 38.48% dari jumlah nilai ternakair pada tahun 1993.

6.3.2 Pengeluaran dari ternakan kolam airtawar adalah yang tertinggi pada tahun 1993, menyumbangkan sebanyak 86.13% (13,323.19 tan metrik) diikuti oleh pengeluaran dari ternakan sangkar airtawar yang menyumbangkan sebanyak 5.08% (785.53 tan metrik), ternakan dari bekas lombong menyumbangkan sebanyak 6.15% (951.03 tan metrik) dan ternakan airtawar dari tangki simen menyumbangkan sebanyak 2.64% (407.84 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran ternakan airtawar. Seramai 13,624 penternak mengusahakan kolam airtawar meliputi kawasan seluas 4,356.93 hektar, 568 penternak mengusahakan sangkar airtawar meliputi kawasan seluas 48,693.27 meter persegi, 227 penternak mengusahakan ternakan airtawar didalam bekas lombong meliputi kawasan seluas 1,397.04 hektar dan 214 penternak mengusahakan ternakan airtawar didalam tangki simen meliputi kawasan seluas 34,793.72 meter persegi.

6.3.3 Tiga spesis utama yang di ternak didalam kolam air tawar di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1993 ialah belut dengan pengeluaran sebanyak 2,824.00 tan metrik diikuti oleh tilapia merah dengan pengeluaran sebanyak 1,563.84 tan metrik dan ikan keli dengan pengeluaran sebanyak 722.13 tan metrik. Di Sabah, tiga spesis utama yang diternak di kolam airtawar pula ialah

tilapia hitam dengan pengeluaran sebanyak 3,480.00 tan metrik diikuti oleh lee koh dengan pengeluaran sebanyak 837.00 tan metrik dan lampam jawa dengan pengeluaran sebanyak 821.00 tan metrik. Di Sarawak tiga spesis utama ternakan kolam airtawar ialah jelawat dengan pengeluaran sebanyak 156.15 tan metrik diikuti oleh lampam jawa dengan pengeluaran sebanyak 104.10 tan metrik dan kap rumput dengan pengeluaran sebanyak 78.08 tan metrik. Purata pengeluaran ternakan kolam airtawar meningkat dari 2.53 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1992 kepada 3.06 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1993.

6.3.4 Jumlah pengeluaran dari sangkar airtawar meningkat sebanyak 62.47% daripada 483.51 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 785.53 tan metrik dalam tahun 1993. Peningkatan pengeluaran adalah disebabkan oleh peningkatan kawasan ternakan dari 29,046.42 meter persegi dalam tahun 1992 kepada 48,693.27 meter persegi dalam tahun 1993. Walau bagaimanapun purata pengeluaran menurun, tetapi penurunan adalah tidak ketara iaitu dari 16.65 kilogram/meter persegi/tahun dalam tahun 1992 kepada 16.13 kilogram/meter persegi/tahun dalam tahun 1993. Dua spesis utama ternakan ialah tilapia merah yang menyumbangkan sebanyak 74.48% (585.07 tan metrik) dan ikan patin yang menyumbangkan sebanyak 17.76% (139.47 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan sangkar airtawar.

6.3.5 Jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan airtawar dalam bekas lombong menurun sebanyak 29.35% (daripada 1,346.07 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 951.03 tan metrik dalam tahun 1993). Purata pengeluran juga menurun daripada 1.27 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1992 kepada 0.68 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1993. Dua spesis utama ternakan airtawar dalam bekas lombong ialah kap kepala besar yang menyumbangkan sebanyak 28.45% (270.57 tan metrik) dan kap rumput yang menyumbangkan sebanyak 20.90% (198.71 tan metrik) dari jumlah pengeluaran keseluruhan spesis yang diternak didalam bekas lombong.

6.3.6 Jumlah pengeluaran keseluruhan ternakan airtawar dari tangki simen ialah sebanyak 407.84 tan metrik dalam tahun 1993 dan dua spesis utama ternakan ialah tilapia merah menyumbangkan sebanyak 86.38% (352.27 tan metrik) dan ikan patin menyumbangkan sebanyak 8.32% (33.91 tan metrik) dari jumlah

keseluruhan ternakan airtawar bagi tangki simen.

6.4 **Ternakan AirPayau**

6.4.1 Jumlah pengeluaran ternakan airpayau meningkat sebanyak 40.91% dari 63,706.73 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 89,769.72 tan metrik dalam tahun 1993. Peningkatan pengeluaran adalah datang dari pengeluaran ternakan kerang dan ikan dari sangkar airpayau, kolam airpayau dan ternakan tiram, manakala pengeluaran siput sudu menurun. Pengeluaran ternakan sangkar airpayau meningkat sebanyak 83.84% (daripada 3,369.35 tan metrik kepada 6,194.25 tan metrik). Ternakan kolam airpayau meningkat sebanyak 42.70% (daripada 3,224.55 tan metrik kepada 4,601.43 tan metrik). Ternakan kerang meningkat sebanyak 39.88% (daripada 55,586.84 tan metrik kepada 77,755.00 tan metrik) dan ternakan tiram meningkat sebanyak 12.69% (daripada 32.95 tan metrik kepada 37.13 tan metrik). Manakala pengeluaran siput sudu menurun sebanyak 20.84% (daripada 1,493.04 tan metrik kepada 1,181.91 tan metrik). Ini adalah disebabkan oleh kejadian gelombang merah yang berlaku di pantai barat Semenanjung Malaysia terutamanya di persisiran perairan Melaka. Pihak kerajaan terpaksa mengenakan larangan keatas pengeluaran siput sudu diwaktu tersebut . Pengeluaran siput sudu di Melaka berkurangan dalam tahun 1993 sebanyak 58.57% (dari 140.77 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 58.10 tan metrik dalam tahun 1993)

6.4.2 Dari segi nilai pengeluaran terdapat pertambahan nilai pengeluaran ternakan airpayau sebanyak 74.47% (dari RM103.11 juta dalam tahun 1992 kepada RM179.90 juta dalam tahun 1993).

6.4.3 Bilangan penternak yang terlibat didalam ternakan kolam airpayau adalah seramai 752 orang dengan keluasan kawasan ternakan seluas 1,877.82 hektar, manakala bilangan penternak yang terlibat didalam ternakan sangkar airpayau ialah seramai 885 orang dengan keluasan kawasan ternakan seluas 668,260.00 meter persegi. Jumlah penternak yang terlibat di dalam ternakan kerang adalah seramai 289 orang dengan keluasan kawasan ternakan seluas 5,040.55 hektar. Jumlah penternak yang terlibat di dalam ternakan siput sudu adalah seramai 203 orang dengan keluasan kawasan ternakan seluas 73,323.84 meter persegi dan bilangan penternak yang terlibat didalam

ternakan tiram adalah seramai 91 orang dengan keluasan kawasan ternakan seluas 94,052.75 meter persegi.

6.4.4 Dalam tahun 1993 pengeluaran kerang adalah yang tertinggi sekali di antara pengeluaran ternakan airpayau dengan menyumbang sebanyak 86.62% (77,755.00 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan airpayau. Manakala pengeluaran ternakan sangkar airpayau menyumbang sebanyak 6.90% (6,194.25 tan metrik), kolam airpayau sebanyak 5.13% (4,601.43 tan metrik), siput sudu sebanyak 1.32% (1,181.91 tan metrik) dan tiram sebanyak 0.04% (37.13 tan metrik). Walau bagaimanapun dari segi nilai ternakan sangkar airpayau menyumbangkan nilai yang paling tinggi di antara ternakan airpayau yang lain iaitu sebanyak 44.30% (RM79.70 juta) diikuti dengan ternakan kolam air payau sebanyak 40.35% (RM72.59 juta), kerang 14.89% (RM26.79 juta) siput sudu 0.26% (RM468,280) dan tiram 0.20% (RM350,190).

6.4.5 Tiga spesis utama dipelihara di dalam sangkar airpayau ialah siakap sebanyak 61.40% (3,803.41 tan metrik) diikuti oleh kerapu sebanyak 16.23% (1,005.41 tan metrik) dan jenahak sebanyak 13.57% (840.63 tan metrik). Jumlah pengeluaran dari sangkar airpayau meningkat sebanyak 83.84% (dari 3,369.35 tan metrik dalam tahun 1992 kepada 6,194.25 tan metrik dalam tahun 1993). Kawasan ternakan meningkat sebanyak 67.99% (dari 397,799.36 meter persegi dalam tahun 1992 kepada 668,260.00 meter persegi dalam tahun 1993). Purata pengeluaran juga meningkat dari 8.47 kilogram/meter persegi/tahun dalam tahun 1992 kepada 9.27 kilogram/meter persegi/tahun dalam tahun 1993. Kebanyakan penternak menukar pemakanan ikan dari ikan baja kepada makanan berformula yang meningkatkan kadar pembesaran dan mengurangkan berlakunya penyakit ikan. Jumlah pengeluaran ternakan sangkar air payau didapati meningkat di Kedah sebanyak 39.24% (dari 48.09 tan metrik kepada 66.96 tan metrik), Pulau Pinang sebanyak 62.77% (dari 945.31 tan metrik kepada 1,538.67 tan metrik), Perak sebanyak 222.68% (dari 571.52 tan metrik kepada 1,844.15 tan metrik), Selangor sebanyak 0.53% (dari 1,194.01 tan metrik kepada 1,200.33 tan metrik), Johore sebanyak 33.64% (dari 548.32 tan metrik kepada 732.76 tan metrik), Pahang sebanyak 358.89% (dari 0.90 tan metrik kepada 4.13 tan metrik) dan Kelantan sebanyak 181.58% (dari 9.77 tan

metrik kepada 27.51 tan metrik). Tiada pengeluaran ternakan sangkar airpayau di Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis dalam tahun 1992. Walau bagaimanapun dalam tahun 1993 pengeluaran di Melaka adalah sebanyak 10.93 tan metrik, Negeri Sembilan sebanyak 2.80 tan metrik dan Perlis sebanyak 17.38 tan metrik. Sabah menunjukkan pengeluaran sebanyak 740.00 tan metrik dalam tahun 1993.

6.4.6 Spesis utama yang diternak di dalam kolam airpayau masih lagi udang harimau yang mengeluarkan sebanyak 85.57% (3,937.43 tan metrik) daripada jumlah keseluruhan ternakan kolam airpayau. Lain-lain spesis ternakan ialah udang putih, siakap, jenahak, ketam dan lain-lain spesis dengan jumlah pengeluaran sebanyak 14.43% (664.00 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan kolam airpayau. Adalah diperhatikan bahawa pengeluaran udang putih menurun sebanyak 60.27% (dari 141.59 tan metrik kepada 56.26 tan metrik). Dalam tahun 1993, ramai penternak lebih suka menternak udang harimau daripada udang putih disebabkan benih udang harimau lebih mudah diperolehi. Pengeluaran siakap meningkat sebanyak 64.33% (dari 37.59 tan metrik kepada 61.77 tan metrik) manakala pengeluaran kerapu menurun sebanyak 60.16% (dari 1.23 tan metrik kepada 0.49 tan metrik). Tiada pengeluaran tilapia merah dalam tahun 1992 tetapi dalam tahun 1993 pengeluarannya ialah sebanyak 18.48 tan metrik. Pengeluaran di Perlis meningkat sebanyak 500.55% (dari 5.50 tan metrik kepada 33.03 tan metrik), Kedah sebanyak 15.74% (dari 438.82 tan metrik kepada 507.90 tan metrik), Pulau Pinang sebanyak 152.22% (dari 199.83 tan metrik kepada 504.01 tan metrik), Perak sebanyak 126.10% (dari 273.82 tan metrik kepada 619.12 tan metrik), Selangor sebanyak 101.40% (dari 511.69 tan metrik kepada 1,030.51 tan metrik), Negeri Sembilan sebanyak 237.02% (dari 28.01 tan metrik kepada 94.40 tan metrik), Melaka sebanyak 313.41% (dari 9.32 tan metrik kepada 38.53 tan metrik), Johor sebanyak 46.43% (dari 476.68 tan metrik kepada 697.98 tan metrik), Terengganu sebanyak 13.35% (dari 42.46 tan metrik kepada 48.13 tan metrik).

6.5 **Ikan Hiasan**

6.5.1 Jumlah pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 84.09% dari 102,597,493 ekor dalam tahun 1992 kepada 188,871,525 ekor dalam tahun 1993. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 93.17% (dari RM17.42 juta dalam tahun 1992 kepada RM33.65 juta dalam tahun 1993). Johor masih kekal sebagai pengeluar utama ikan hiasan yang menyumbangkan sebanyak 122,513,477 ekor iaitu 64.87% dari jumlah keseluruhan pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1993. Ini diikuti oleh Perak yang menyumbangkan sebanyak 37,696,455 ekor iaitu 19.96%, Selangor menyumbangkan sebanyak 18,848,227 ekor iaitu 9.98%, Pulau Pinang menyumbangkan sebanyak 9,424,114 ekor iaitu 4.99% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1993. Dua kumpulan famili utama yang dikeluarkan adalah 'Cyprinids' menyumbangkan sebanyak 36.72% (Ikan emas dan koi 19.60%, Barb dan Danio 17.12%) dan 'Poecilids' menyumbangkan sebanyak 24.51% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan.

7. **PERAIRAN UMUM/PERIKANAN DARAT**

